

## Pengarang Lelaki Mencitrakan Watak Wanita Sebagai Subjek Utama Dalam Skrip Drama Bangsawan Tasik Dayang Bunting

Nur Kasih A.Ghani<sup>1</sup>, Zainatul Shuhaida Abdull Rahman<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Selangor, Malaysia

Corresponding Author: zainatul@uitm.edu.my

*Received: March 25, 2025*

*Accepted: March 28, 2025*

*Published: March 30, 2025*

### ABSTRACT

Esei ini mengkaji cara dan gaya seseorang pengarang lelaki mencitrakan watak wanita sebagai subjek utama dalam skrip drama pentas bangsawan. Kajian ini dilakukan kerana tidak banyak pengarang lelaki ditemui dalam mencitrakan watak dan perwatakan wanita dan mengangkatnya sebagai watak utama atau hero di dalam drama. Oleh itu, esei ini akan menfokuskan tentang pengarang lelaki mencitrakan watak wanita dalam skrip drama pentas bangsawan berjudul *Tasik Dayang Bunting*. Terdapat beberapa kaedah teksdealisme yang didapati dalam esei. Penulisan esei ilmiah ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif analisis berdasarkan teks drama. Kajian ini penting dalam menginterpretasi kaitan amalan tradisi, ilmu budaya dan falsafah dari sudut pandangan pengarang lelaki yang diamalkan dalam masyarakat Melayu lama yang ditonjolkan dalam skrip drama.

**Keywords:** Pengarang lelaki, Watak wanita, Drama Bangsawan, Tasik Dayang Bunting

### ABSTRACT

*This essay examines the ways in which a male playwright portrays female characters as the central figures in a traditional stage drama script. This study is conducted because there are few examples of male playwrights who depict female characters with depth, presenting them as the main or heroic characters in drama. Therefore, this essay will focus on how a male playwright represents a female character in the script of the traditional stage drama titled Tasik Dayang Bunting. The essay identifies several textural elements found in the drama. The writing of this scholarly essay employs a descriptive qualitative analysis based on the drama script. This study is significant in interpreting the connection between traditional practices, cultural knowledge, and philosophy from the perspective of a male playwright, as reflected in the old Malay society portrayed in the drama script.*

**Keywords:** Male playwright, Female character, Bangsawan drama, Tasik Dayang Bunting

## 1. PENDAHULUAN

Menurut Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017) Bangsawan adalah genre persembahan yang unik dalam alur perkembangan teater Melayu yang muncul sekitar lewat abad ke-19 di Pulau Pinang. Bangsawan berasal daripada dua kata iaitu “bangsa” dan “wan”. Perkataan bangsa itu diberi kepada orang yang berbangsa, manakala perkataan “wan” pula diberi kepada golongan yang berketurunan “Wan” atau “Syed” atau berdarah raja. Manakala, menurut Reef Omar (2017) perkataan “bangsawan” terbahagi kepada dua kata yang diambil daripada bahasa sanskrit iaitu “bangsa” daripada “Vamsa” yang membawa maksud “keluarga” atau “dinasti”. Perkataan “wan” pula daripada “Vant”. Selain itu, menurut Deni Afriadi (2019) pada asalnya bangsawan hanyalah dipentaskan untuk istana sahaja. Namun ia kini dapat dinikmati sebagai hiburan rakyat selepas zaman raja-raja. Bangsawan ialah persembahan hiburan yang dilakukan dalam bentuk seni drama teater yang berdasarkan kisah-kisah raja dan juga rakyat. Ia juga merupakan pementasan teater yang bukan berasal dari Tanah Melayu, kerana ia dibawa masuk oleh orang luar. Hal ini turut ditulis oleh Asri Nofriani (2012) bahawa bangsawan merupakan sesuatu yang istimewa kerana bangsawan bukan sahaja mengangkat drama teater kepada peringkat yang tinggi malahan menjadikan bangsawan ini sebagai suatu bentuk seni drama yang menjadi kesukaan masyarakat.

Drama bangsawan juga bukanlah hanya sekadar lakonan sahaja, ciri khas teater bangsawan adalah umumnya mempersembahkan kisah-kisah raja, kerajaan, sastera, dialog campur aduk, nyanyian berikutan dengan tarian, tanpa naskah tertulis dan bersifat stilistik. Menjadi seorang penggiat seni drama pentas bangsawan haruslah seorang yang berkebolehan. Keryman313 (2011) menyatakan, bangsawan amat popular pada tahun 1900 hingga 1945 di mana pada tahun itulah anak-anak bangsawan berjaya menguasai keseluruhan dramatik bangsawan. Bangsawan merupakan suatu bidang seni yang memerlukan tahap kemahiran dan kreativiti yang tinggi dari setiap anggota-anggota yang terlibat sama ada di depan atau belakang pentas. Bangsawan juga dikenali dengan keunikannya iaitu teater Melayu yang menggabungkan kedua-dua unsur iaitu teater tradisional dan moden

## 2. KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan sorotan kajian lepas, Amat (2018) melalui analisis novel mengatakan watak wanita seringkali dipandang rendah oleh pengarang lelaki. Wanita dicitrakan sebagai watak yang lemah, pengganggu, lembab dan sebagainya. Kebanyakan pengarang lelaki, kurang gemar dalam menjadikan wanita sebagai watak utama kerana perspektif mereka terhadap wanita adalah wanita itu lemah dan tidak kuat seperti lelaki. Sama juga menurut Raj *et al.* (2019) di mana dalam kajian beliau tentang kedudukan watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen “*Ammavuku*” menerusi kajian subaltern, sistem patriarki adalah satu sistem yang menempatkan golongan lelaki sebagai golongan yang terpenting. Manakala, wanita pula adalah diposisikan sebagai seseorang yang harus bertugas mendampingi suami, menghibur, dan melayani suami.

Dengan adanya sistem seperti itu, pengarang telah memposisikan watak wanita sebagai watak yang sememangnya melekat dalam stigma masyarakat iaitu

membawa watak yang lemah dan terpinggir. Sekali lagi dipetik daripada Raj *et al.* (2019) pengarang dalam cerpen *Ammavuku*, telah mencitrakan watak wanita dalam cerpen tersebut sebagai wanita yang tidak memiliki hak dalam apa jua perkara dan hanya lelaki sahaja yang berkuasa. Menurut Ab Rahman (2006) dalam analisis novel, para pengarang wanita telah menulis tentang kesedaran bahawa karya-karya pengarang lelaki sering meletakkan watak wanita sebagai imej yang terpinggir dan membuatkan pandangan wanita tidak didengari. Oleh itu ramai pengarang wanita yang menghasilkan karya mereka yang mengangkat watak wanita bagi memperkasakan lagi nama wanita. Dengan melihat kurangnya pengarang lelaki yang mengangkat watak wanita, ramai pengarang wanita yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang sastera demi mengangkat pemahaman masyarakat tentang kehidupan wanita melalui penulisan mereka yang unik dan berani. Sekali lagi ditegaskan oleh Ab Rahman (2020) dalam *menongkah lumrah* pengarang telah mencitrakan pemikiran terhadap masyarakat di mana wanita dinilai berdasarkan faktor biologi mereka, pengarangnya iaitu Azmah Nordin menunjukkan bahawa masih wujud tanggapan konservatif sebegitu dalam kalangan masyarakat. Watak wanita dalam novel tersebut dipandang rendah berdasarkan identitinya. Pengarang memperlihatkan kepada masyarakat bahawa tanggapan tersebut masih wujud dan patut dihapuskan. Jelaslah, bahawa wanita sering dikategorikan sebagai 'second class', kerana pandangan segelintir masyarakat ialah wanita tidak mampu menjadi sekuat lelaki. Berbeza dalam skrip bangsawan *Tasik Dayang Bunting*, pengarang telah mengangkat watak wanita, di mana Rahman B telah memperlihatkan sisi keberanian Dayang dalam menuntut ilmu agama bersendirian. Menurut Hussain (1991), dalam Beden (2020) melalui analisis novel, beliau telah mengangkat watak wanita dalam karya novel beliau iaitu *Tun Fatimah* dan *Riwayat Perjuangan Ibu Melayu* pada tahun 1948. Dimana beliau telah menjadikan Tun Fatimah sebagai watak pejuang yang berjuang dalam membela tanah air. Di dalam novel beliau tentang kegagalan Malayan Union adalah bukan sahaja disebabkan oleh faktor lelaki, wanita juga turut bersama-sama dalam memperjuangkan tanah air. Shaharom Hussain, telah mengangkat wanita dengan menjadikan watak wanita sejajar dengan watak lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa wanita itu tidak lemah dan mampu membawa watak yang sama seperti lelaki. Sekali lagi dipetik daripada Said (1985) dalam Beden (2020) naskhah kreatif beliau yang berjudul *Daerah Zeni*, beliau mengangkat watak wanita melalui nasihat yang disampaikan oleh watak Lazri Meon kepada anak perempuannya yang membawa watak sebagai Zeni dan Zedi bahawa hidup sebagai seorang wanita haruslah serba boleh dan tidak lemah serta bersiap sedia menempuh apa jua cabaran. Wanita yang mampu melakukan apa jua perkara tanpa menunjukkan bahawa wanita itu lemah. Dalam nasihat yang disampaikan itu pengarang tidak lupa untuk mengangkat watak wanita dengan memasukkan skrip-skrip yang menaikkan martabat wanita dengan menggunakan bahasa yang tersirat iaitu melalui nasihat daripada watak lelaki. Di samping itu, pengarang A.Samad Said, telah memberikan kuasa kepada watak Zeni dan Zedi di mana watak wanita ini memiliki kebebasan berfikir ke arah yang lebih rasional dan terbuka dalam mengecapi kebahagiaan.

### 3. DAPATAN KAJIAN

Rahman B mengangkat watak wanita dengan mendominasi banyak dialog wanita dalam skrip. Seperti Cik Mahura, Mak Imah dan Dayang. Walaupun hanya terdapat tiga sahaja watak wanita didalam skrip, dialog lebih banyak tertumpu kepada dialog wanita. Dapat dilihat melalui skrip drama bangsawan Tasik Dayang Bunting, plot perumitan, klimaks dan juga peleraian lebih tertumpu kepada dialog wanita. Sesetengah cerita yang dikarang oleh penulis lelaki kadang-kadang hanya menumpukan kepada dialog lelaki dan kurang memberikan peluang kepada watak wanita untuk lebih menonjol sehingga menyebabkan watak wanita tersebut tenggelam. Wanita dan lelaki memiliki bahasa mereka yang tersendiri. Menurut Zulkarnain & Fitriani (2018) Academy of Sciences telah melakukan eksperimen tentang intonasi dan eksperimen tersebut menunjukkan bahawa intonasi wanita adalah lebih bernilai berbanding dengan intonasi lelaki. Pengarang bijak dalam mencitrakan watak wanita melalui skrip drama bangsawan Tasik Dayang Bunting dengan melihat kemampuan wanita dari segi bertutur. Di dalam jadual di bawah menunjukkan pemilihan dialog daripada babak mengikut kod dialog watak berdasarkan muka surat yang dikarang oleh Rahman B.

**Jadual 1:** Dialog wanita yang mendominasi babak di dalam skrip

Babak	Watak	Dialog yang menggerakkan cerita ke depan oleh wanita
4	Mak Imah	Memang benar kata puan, Nakhoda Malim bukan sahaja bijak dalam mengajar ilmu agama malah orangnya sungguh sopan dan tertib budi pekerti. Kalau dia ke mari selalu membawa buah tangan.
5	Dayang	Ayah, Dayang kalau pergi berkelah Dayang tidak mahu mandi di laut atau di tasik. Dayang rasa lebih elok Dayang beramal di situ.
6	Dayang	Ayah, bila lagi kita akan kembali ke sini? Walaupun Dayang tidak bersama-sama yang lain, Dayang rasa tasik ini amat sesuai untuk Dayang beramal.
5	Cik Mahura	Kalau begitu kita dirikan sebuah dangau di tepi tasik di tempat kita berteduh dan Dayang bolehlah beramal dan sembahyang di situ.
8	Cik Mahura	Sudahlah kanda, sebusuk busuk daging dikencah boleh dimakan juga.
10	Cik Mahura	“Kanda, dinda percaya mesti ada muslihat. Nakhoda Malim sudahpun mati terbunuh tetapi Dayang ke mana pula pergi?”

Dalam dialog tersebut menunjukkan bahawa wanita dengan intonasi mampu mempengaruhi cerita dan menjadi penggerak dalam cerita tersebut. Berdasarkan dialog tersebut penonton boleh membayangkan sendiri bagaimana intonasi wanita tersebut walau dengan hanya membaca daripada skrip sahaja. Rahman B meletakkan banyak dialog watak wanita dalam plot klimaks, perumitan dan

peleraian dan dalam babak tersebut intonasi wanita memainkan peranan dalam menarik perhatian penonton untuk melihat dan mendengar. Dalam skrip drama Bangsawan *Tasik Dayang Bunting*, Rahman B telah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada watak wanita dengan menjadikan watak wanita tersebut sebagai watak yang berkuasa dalam cerita. Seterusnya pengarang mengangkat watak wanita dengan menjadikan watak wanita sebagai penggerak babak ke hadapan. Sesetengah pengarang lelaki sering memberikan peranan yang kurang diberikan tumpuan kepada wanita. Menurut Roslan dan Radzi (2017) adakalanya sebagai seorang wanita, kita harus akur dengan pandangan kaum lelaki terhadap wanita dalam cara lelaki mencitrakan watak wanita dalam sebuah cerita. Pengarang lelaki kurang arif dalam hal-hal yang domestik dan susah untuk mendalami hati wanita. Hal ini turut dinyatakan oleh Che Man (1999) dalam Roslan dan Radzi (2017) bahawa kaum lelaki pada pandangan pengkritik feminis adalah gagal dalam menggambarkan hati dan emosi wanita.

Pengarang lelaki berusaha untuk mengangkat watak wanita dalam karya mereka namun kurang pandai dalam menggerakkan watak wanita dalam cerita agar lebih menonjol. Berbeza dengan Rahman B di mana beliau berjaya menggerakkan kesemua watak wanita ke hadapan dan memberikan peluang kepada watak wanita untuk terlihat lebih menonjol. Kesemua watak wanita di dalam skrip drama Bangsawan *Tasik Dayang Bunting* tidak ada yang tenggelam dan sama naik dengan watak-watak lelaki. Analisis juga mendapati bahawa pengarang banyak menggunakan prinsip pelanggaran dalam skrip drama Bangsawan *Tasik Dayang Bunting*. Rahman B bijak menggunakan prinsip pelanggaran dalam menghasilkan karya ini untuk mengangkat watak wanita dengan mengubah watak Dayang kepada wanita yang lebih baik berbanding dengan cerita asal legenda *Tasik Dayang Bunting*.

Menurut Mana Sikana (2013) dalam Annamalai dan Murugusu (2022) prinsip pelanggaran adalah proses dan pembaharuan dalam sesuatu karya daripada pengarang untuk mencapai sebuah tahap keunggulan. Tujuan penggunaan prinsip ini adalah untuk mewujudkan keinginan pengarang dalam memperbaiki dan memperbaharui setiap karya yang dihasilkan. Dalam legenda *Tasik Dayang Bunting*, nama sebenar Dayang ialah Mambang Sari dan dia telah ditipu oleh Mat Teja untuk mengawininya. Rahman B menggunakan prinsip pelanggaran dengan meletakkan Dayang sebagai seorang wanita yang rajin menuntut ilmu agama di mana dalam legenda asal *Tasik Dayang Bunting*, Mambang Sari tidak dicitrakan sebagai seorang wanita yang menuntut ilmu agama. Oleh itu, watak Dayang dijadikan sebagai penggerak dalam cerita di mana Dayang adalah faktor yang dinantikan dalam terjadinya plot seterusnya. Watak Dayang menyerlah dalam plot perumitan, klimaks dan peleraian. Menurut Waldeback & Betty (2012, hlm.40-41) dalam Mohd Helmi Yusoh *et.al* (2018) peranan watak dalam sesuatu cerita amat mempengaruhi perasaan penonton di mana penonton akan mengalami pengalaman dalam melihat cerita tersebut dan akhirnya pengarang berjaya dalam menyampaikan mesej cerita tersebut. Selain itu, gambaran perwatakan wanita yang bijak mempengaruhi orang lain banyak digambarkan oleh Rahman B di dalam skrip ini. Dalam skrip drama bangsawan *Tasik Dayang Bunting*, Rahman B memperlihatkan watak wanita sebagai watak yang mampu mempengaruhi orang lain. Pencitraan wanita sebagai subjek utama yang dilakukan oleh Rahman B

terhadap watak wanita dapat dilihat di mana terdapat babak yang menunjukkan Dayang adalah penyebab di mana terjadinya konflik dalam sebuah cerita.

**Jadual 2:** Perwatakan wanita yang bijak mempengaruhi orang lain

Babak	Watak	(kenyataan babak 6)
6	(kenyaataan babak 6)	“Kelihatan Datuk Kumajaya bersama orang-orangnya sedang berkelah. Hari menjelang malam. Hanya Dayang saja di dangau sedang berzikir. Ketika itulah Putera Raja Bunian lalu di situ dan terpandang Dayang”

Berikut merupakan kenyataan pada babak 6 Putera Raja Bunian pertama kali melihat Dayang. Semenjak kedatangan Dayang ke tasik tersebut Dayang tidak menyedari bahawa Putera Raja Bunian telah jatuh cinta kepada Dayang. Terjadilah konflik di mana Dayang telah mengandungkan anak Putera Raja Bunian. Perwatakan Dayang telah mempengaruhi perkembangan dalam cerita. Menurut Shaik Ismail *et.al* 2020 cantik dan tampan adalah satu stereotaip yang benar-benar wujud dalam kalangan masyarakat di mana yang cantik akan lebih dipandang. Aspek fizikal watak Dayang dikatakan sempurna seperti seorang yang cantik, menawan dan juga beragama. Sifat dan penampilannya telah membuatkan Putera Raja Bunian tertarik kepada Dayang. Berikut merupakan antara kepentingan dalam sesebuah karya iaitu menjadikan watak protagonis sebagai sebuah watak yang bersifat ‘ideal’. Pengarang telah menjadikan Dayang sebagai sebuah watak yang ideal. Oleh itu, pengukuhan watak dan perwatakan merupakan sesuatu yang penting dalam menghasilkan sebuah karya. Hal tersebut juga dikatakan dapat menjadi daya penarik kepada penonton dan pembaca. Selain itu, terdapat juga watak wanita lain iaitu Cik Mahura ibu kepada Dayang di mana terdapat dialog Cik Mahura yang memberitahu hal sebenar kepada Datuk Kumajaya.

**Jadual 3:** Perwatakan wanita yang bijak mempengaruhi orang lain

Babak	Watak	(Perbuatan/dialog)
8	Cik Mahura	“Kelihatan Datuk Kumajaya bersama orang-orangnya sedang berkelah. Hari menjelang malam. Hanya Dayang saja di dangau sedang berzikir. Ketika itulah Putera Raja Bunian lalu di situ dan terpandang Dayang”

Seterusnya merupakan dialog Cik Mahura memberitahu hal sebenar kepada suaminya dan tidak melarang suaminya untuk menuduh Nakhoda Malim. Dialog Cik Mahura telah memulakan konflik tersebut dan menjadikan babak seterusnya lebih menarik. Watak Cik Mahura yang mudah percaya menyebabkan hal tersebut telah menyebabkan Nakhoda Malim dituduh dan akhirnya dibunuh. Berikut adalah salah satu cara Rahman B mengangkat watak wanita iaitu dengan menjadikan wanita sebagai subjek yang boleh mempengaruhi keputusan dan perbuatan watak-watak lain. Sebagai seorang pengarang lelaki yang cuba untuk mengangkat watak wanita, Rahman B telah memasukkan banyak elemen dalam mencitrakan watak wanita. Pengarang juga telah mengangkat watak wanita melalui pemikiran dan impian watak wanita yang ditonjolkan dalam skrip.

Pengarang mencitrakan Dayang sebagai seorang wanita yang mengabdikan dirinya kepada Allah dan telah meletakkan pemikiran dan impian Dayang dalam ingin menjadi seorang wanita yang solehah dan beragama. Ketabahan serta kecekalannya juga terserlah apabila Dayang diuji dengan mengandungkan anak Putera Raja Bunian. Di samping itu, watak Dayang diperlihatkan sebagai seorang yang matang dari segi pemikiran dan perbuatan. Rahman B menerapkan pemikiran yang matang dalam diri Dayang dengan meletakkannya sebagai seorang wanita yang ingin belajar agama dan sifat tersebut akan menjadi contoh kepada wanita di luar sana bahawa wanita juga wajib menuntut ilmu agama. Kaum wanita tidak boleh melupakan tanggungjawab mereka terhadap agama dan mereka hanya diberikan sedikit kelonggaran dalam ibadah tertentu untuk memberi keringanan dalam menjalankan tanggungjawab rumah tangga. Pengarang tidak melupakan tanggungjawab yang juga harus dijalankan oleh wanita dengan meletakkan nilai keagamaan yang sangat tinggi dalam diri Dayang.

**Jadual 4:** Pemikiran dan impian watak wanita

Babak	Watak	Pemikiran dan impian watak wanita
3	Dayang	Maafkanlah hamba mengganggu juragan. Hamba terdengar dari petak kurungan suara merdu orang sedang membaca surah Allah. Hamba ini kurang arif dalam ilmu mengaji, sudikah juragan menjadi guru Dayang
6	Cik Mahura	Rasanya tidak puas kita bersuka ria di sini. Banyak juga kita makan kerang tetapi

Dialog diatas merupakan babak di mana Dayang mengatakan hasratnya untuk belajar agama. Pengarang meletakkan watak Dayang dengan pemikiran seorang wanita yang ingin belajar agama. Impian dan ketekunannya dapat dilihat di mana Dayang tidak tertarik untuk bersuka ria. Malahan lebih memilih untuk beribadah dan berzikir bersendirian di tasik. Impian Dayang adalah untuk menjadi seorang wanita yang solehah dan beragama. Menerusi pemikiran Dayang, Rahman B dilihat telah mengangkat watak Dayang kepada sesuatu yang lebih berbeza berbanding watak-watak wanita lain yang diangkat oleh pengarang lelaki. Sesetengah pengarang lelaki berusaha untuk mengangkat watak wanita tetapi gagal mengekspresikan watak wanita tersebut kepada yang lebih baik.

Analisis seterusnya ialah berdasarkan nilai watak dan perwatakan wanita dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting*. Menurut Hasanuddin WS (*Ensiklopedia Sastra Indonesia*, 2004: 391,623) dalam Mohammad Safuan Ismail (2015) watak adalah sifat seseorang dengan cara menjiwai sesebuah peranan dari segi akhlak, budi pekerti, tabiat dan sebagainya. Watak dan perwatakan ini penting dalam menggerakkan suatu drama dan menjadi satu tarikan kepada sesebuah penceritaan dalam drama. Watak adalah keutamaan dalam sebuah cerita. Berikut merupakan watak wanita dalam gambaran pengarang Rahman B. Seterusnya adalah perwatakan wanita berdasarkan perspektif pengarang. Analisis mendapati pengarang memperlihatkan watak berani dalam diri Dayang. Kaum wanita sering kali dipandang remeh kerana dianggap tidak mampu melakukan apa-apa.

Fizikal lemah yang dimiliki oleh kaum wanita menyebabkan kaum wanita tidak

diberikan keistimewaan seperti kaum lelaki. Menurut Mary Wollstonecraft dalam bukunya yang berjudul *A Vindication of the Rights of Woman* dalam Harris & Muhtar (2019) perspektif terhadap wanita yang dikatakan lemah itu adalah berdasarkan daripada pendidikan yang tidak sihat diberikan kepada masyarakat yang kuat mengatakan bahawa wanita itu tidak layak memiliki apa-apa keistimewaan. Oleh itu, pegangan tersebut masih kuat dan wujud sehingga kini. Kebanyakan pengarang lelaki juga tidak mempercayai wanita dalam memegang watak-watak yang besar. Mereka lebih suka menyerlahkan *male-centredness* dalam cerita mereka dan hanya menjadikan wanita sebagai objek dalam penceritaan. Dalam skrip drama Bangsawan *Tasik Dayang Bunting*, pengarang berani meletakkan watak Dayang sebagai seorang wanita yang memiliki nilai keberanian yang tinggi. Seperti beramal di tasik sendirian dan berani untuk menuntut ilmu agama.

**Jadual 5:** Perwatakan wanita yang berani

Babak	Watak	Perwatakan wanita yang berani
5	Dayang	Ayah, Dayang kalau pergi berkelah Dayang tidak mahu mandi di laut atau di tasik. Dayang rasa lebih elok Dayang beramal di situ

Berikut merupakan dialog yang mengekspresikan bahawa Dayang seorang yang berani menuntut ilmu bersendirian dan hal tersebut juga bercanggah dengan masyarakat terdahulu di mana masyarakat wanita terdahulu memiliki keterbatasan dalam melakukan sesuatu. Menurut Mad Azeri & Hamisan Khair (2021) masyarakat wanita terdahulu tidak diberikan hak yang sewajarnya dalam melakukan segala hal. Pengarang menepis pandangan tersebut dan meletakkan nilai keberanian yang boleh menjadi inspirasi kepada wanita-wanita. Ibu bapa Dayang juga mengizinkan Dayang keluar untuk pergi menuntut ilmu dan memberi sepenuhnya kepercayaan kepada Dayang. Rahman B membuka mata masyarakat dengan mengangkat watak Dayang dengan menjadikannya seorang wanita yang berani dan tidak gentar dalam menuntut ilmu. Sehingga kini masih terdapat adat resam melayu yang berpegang kepada wanita hanya duduk dirumah, wanita sebagai penghulu dapur, wanita harus melayani lelaki. Norma masyarakat sebegitu masih wujud walaupun hak kebebasan wanita sudah bermula sejak kedatangan islam. Rahman B juga memperlihatkan watak kedua orang tua Dayang percaya kepada anaknya. Rahman B bukan sahaja memperlihatkan watak Dayang sebagai seorang yang berani, beliau juga menyampaikan mesej yang tersirat bahawa masyarakat seharusnya berpandangan jauh, jangan bersikap kolot dan tidak memandang rendah terhadap wanita Pengarang memperlihatkan hasrat dan impian seorang wanita yang ingin menuntut ilmu demi mencari keredhaan Allah.

Seterusnya, pengarang meletakkan watak Dayang sebagai watak wanita yang berilmu. Sebagai seorang wanita, ilmu agama merupakan ilmu yang penting, yang patut ada dalam diri wanita terutama sebelum bergelar untuk menjadi seorang ibu. Wanita adalah pembimbing generasi akan datang dan tanpa sedikit pengetahuan ilmu akan menyebabkan wanita tidak mampu menjadi pembimbing yang baik. Dalam skrip drama Bangsawan *Tasik Dayang Bunting*, watak Dayang amat jelas menunjukkan yang Dayang ini seorang yang mengabdikan dirinya kepada Allah swt. Dayang memiliki segalanya namun, dia lebih suka bersendirian beramal dan



menuntut ilmu dalam agama. Dalam skrip drama ini, ketertarikan Dayang dalam menuntut ilmu agama adalah sangat tinggi.

**Jadual 6:** Perwatakan wanita yang berilmu

Babak	Watak	Perwatakan wanita yang berilmu
3	Dayang	Maafkanlah hamba mengganggu juragan. Hamba terdengar dari petak kurungan suara merdu orang sedang membaca surah Allah. Hamba ini kurang arif dalam ilmu mengaji, sudikah juragan menjadi guru Dayang
4	Cik Mahura	Nampaknya, Dayang bersungguh-sungguh mempelajari ilmu agama dengan Nakhoda Malim. Sungguh tidak di sangka sesudah kita tiba ke mari Dayang dapat juga mempelajari ilmu agama

Berikut merupakan dialog yang menunjukkan Dayang bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu agama. Selepas mendengar alunan bacaan al quran daripada Nakhoda Malim, dengan menyedari dirinya yang kurang arif dalam ilmu agama Dayang terus bertekad ingin belajar agama. Menurut Mohd Azahar dan Abdul Rahman (2022) kewajiban dalam menuntut ilmu bukan sahaja patut ada pada lelaki. Wanita juga berkewajipan dalam menuntut ilmu kerana wanitalah yang lebih banyak masanya di rumah dalam mendidik anak-anak. Hal ini turut dinyatakan dalam hadis rasulullah, maksudnya “menuntut ilmu adalah kewajiban setiap muslim dan muslimah” (Al-Tabrani melalui Ibn Mas’ud). Hadith ini menekankan bahawa wanita juga layak untuk menuntut ilmu dan menggambarkan bahawa islam tidak pernah mendiskriminasikan wanita dalam menuntut ilmu. Bahkan walaupun wanita tersebut sudah berkahwin wanita masih digalakkan untuk menuntut ilmu dengan meminta izin kepada suami. Berbeza dengan wanita ketika belum berkahwin ia bebas menuntut ilmu agama tanpa dihalangi oleh sesiapa. Rahman B menjadikan watak Dayang sebagai watak wanita yang bebas menuntut ilmu agama dan keinginan yang tinggi dalam belajar.

Menurut Mohd Nor (2011) wanita juga layak mengeluarkan buah fikiran dan pendapat dan idea-idea yang bernas bukanlah hanya datang daripada kaum lelaki. Rahman B menginovasikan watak Dayang kepada wanita yang tekun dalam menuntut ilmu agama. Watak Dayang dalam cerita asal tidak menunjukkan yang Dayang sebagai seorang wanita yang menuntut ilmu. Kedua ibu bapa Dayang yang kurang arif tentang agama juga menyokong tindakan Dayang dengan belajar ilmu agama. Berdasarkan sorotan kajian lepas, Lulu Mubarakah (2021) dalam analisis jurnal, menuntut ilmu agama adalah kewajiban seorang muslim tanpa mengenal jantina. Tidak kira lelaki mahupun wanita, ilmu agama adalah sangat penting untuk bekalan kita di akhirat kelak. Dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting*, Rahman B menangkis sistem patriarki dengan mengangkat watak Dayang sebagai wanita yang berilmu dan berpengetahuan. Rahman B tidak meletakkan Dayang sebagai seorang wanita yang hanya duduk dirumah melakukan pekerjaan-pekerjaan dirumah namun beliau memperlihatkan watak Dayang sebagai wanita yang mengabdikan diri dalam ilmu agama tanpa menghiraukan kesenangan yang dimiliki. Pengarang juga telah memperlihatkan nilai ketaatan dalam diri Dayang terhadap agamanya dan juga ibubapa. Sebagai

seorang anak yang soleh dan solehah, kewajiban utama adalah menjadi seorang anak yang taat kepada kedua ibubapa dan juga menjadi seorang yang taat kepada Allah.

Menurut Abdul Kadir (2010) dalam Che Yaacob & Mohamad Hanafiah (2021) taat membawa maksud kepada kepatuhan dan kesungguhan hati seseorang dalam agamanya. Taat kepada Allah bermakna taat kepada ibubapa. Anak yang taat kepada Allah sudah semestinya akan menjadi anak yang taat kepada kedua ibubapa. Sebagai seorang wanita yang belum berkahwin, kita sepenuhnya masih dalam tanggungan ibu bapa dan wajib menuruti kedua ibu bapa. Bahkan dengan meninggikan sedikit suara dengan ibu bapa pun sangat ditegah dalam Islam. Dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting*, Dayang dicitrakan sebagai seorang wanita yang sangat mendengar kata dan tidak ada babak yang menunjukkan bahawa Dayang melawan kata kedua ibubapanya. Dayang juga adalah wanita yang taat kepada Allah dan tidak pernah berhenti dalam beribadat. Nilai positif yang ditunjukkan oleh pengarang dalam diri Dayang juga adalah suatu pelanggaran dalam teori teksdealisme di mana dalam cerita asal *Tasik Dayang Bunting*, Dayang tidak dicitrakan memiliki ibubapa tetapi pengarang telah meletakkan watak dan perwatakan sebagai 'ibubapa' dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting* agar cerita bertambah lebih menarik.

**Jadual 7:** Perwatakan wanita yang taat kepada Allah/ibubapa

Babak	Watak	Taat kepada Allah/Ibu bapa
8	Dayang	Ayahanda, bonda, demi Allah anakanda sendiri tidak mengetahui mengapa terjadi begini. Dari anakanda hidup menanggung malu bunuhlah saja anakanda. Anakanda Rela mati
4	Cik Mahura	Baguslah Dayang. Pergilah belajar di kala siang dan lebihkan mengaji di rumah saja pada waktu malam

Berikut adalah dialog yang diperkatakan oleh Dayang di mana Dayang berkata benar dan redha dengan apa yang terjadi terhadapnya dan sedikit pun tidak membantah apa yang diperkatakan oleh ayah dan ibunya. Selain itu Dayang juga menuruti kata kedua orang tuanya agar lebih banyak belajar pada siang hari dan lebihkan mengaji pada waktu malam di rumah. Perwatakan Dayang sangat menunjukkan yang dia merupakan anak yang taat. Begitu juga dengan ketaatannya dalam beragama. Taat dalam beragama merupakan satu perwatakan yang sangat jelas yang dibawa oleh watak Dayang. Seterusnya perspektif pengarang terhadap watak Dayang juga adalah seorang yang lemah lembut, sopan santun dan mendengar kata. Wanita dianalogikan sebagai sebuah permata yang indah dan berharga dalam keluarga, bangsa serta peradaban. Kepribadian seseorang wanita adalah perlambangan etika dan amat penting untuk terus dipelihara. Sebagai seorang wanita, kita haruslah menerapkan sikap-sikap yang seharusnya dimiliki oleh wanita. Dalam era modenisasi ini, ramai dalam kalangan generasi wanita yang semakin hilang akan sifat malu dalam diri mereka. Selain daripada mencitrakan watak Dayang sebagai suatu watak yang sempurna, analisis mendapati bahawa Rahman B bukan sahaja memperlihatkan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang wanita, malahan watak yang direka oleh Rahman B adalah sebagai contoh kepada wanita di luar sana untuk menjaga kepribadian kita. Lemah

lembut, sopan santun, solehah itu adalah kepribadian seorang wanita yang harus dijaga. Daripada Abdullah bin Amr RA bahawa Rasulullah bersabda, “*Dunia adalah perhiasan, dan sebaik baik perhiasan dunia adalah wanita yang solehah*”. Berikut merupakan hadis sahih yang diambil daripada hadis Riwayat muslim 715. Menurut Aminah Noor (1999) dalam Wan Fakhru Razi Wan Mohamad et al. (2021) wanita yang memiliki sebuah kepribadian yang mantap adalah sosok wanita yang memegang teguh kepada agamanya dan dididik atau mendidik diri sendiri untuk memiliki sifat yang baik dan luhur budi pekertinya. Watak Dayang diperlihatkan membawa nilai kewanitaan yang sangat sesuai untuk dijadikan panduan oleh wanita-wanita di luar sana. Oleh itu, selain daripada seorang wanita yang beragama, Rahman B juga mencitrakan Dayang sebagai seorang wanita yang lemah lembut, mendengar kata dan sopan santun. Dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting*, sebagai seorang wanita yang beragama dan mengabdikan dirinya kepada Allah SWT, Dayang diekspresikan sebagai seorang sosok wanita yang solehah dan lemah lembut.

**Jadual 8:** Perwatakan wanita yang lemah lembut/sopan santun dan mendengar kata

Babak	Watak	Kenyataan babak 4
4	Kenyataan babak 4	Dayang pun tiba disitu lalu memberi salam dan mencium tangan ibunya.

Berikut merupakan kenyataan yang menunjukkan bahawa Dayang adalah sosok wanita yang lemah lembut. Rahman B juga mencitrakan watak Dayang sebagai seorang wanita yang tabah. Sebagai seorang manusia yang dilahirkan menjadi wanita, wanita haruslah menjadi sosok yang tidak lemah. Menurut Echols & Shadily (1987) dalam Flendyna Adhi Nastalia (2007) ketabahan dilihat daripada cara kita mengatasi masalah seperti memiliki ketahanan hati dan mental yang kuat serta tidak mudah putus dalam menghadapi ujian. Wanita yang dianggap lemah mudah untuk ditindas. Pengarang meletakkan nilai ketabahan dalam diri Dayang agar watak wanita tersebut tidak dipandang rendah. Ketabahan yang diperlihatkan oleh watak Dayang ialah di mana Dayang dengan tiba-tiba mengandung tanpa dia ketahui bahawa Putera Raja bunian sebenarnya telah jatuh cinta kepadanya. Ayah Dayang iaitu Datuk Kumajaya amat murka dengan keadaan Dayang dan menuduh bahawa Dayang telah melakukan hubungan sulit dengan Nakhoda Malim yang merupakan guru agamanya. Dayang mempertahankan dirinya dan apabila dikurung di dalam bilik, Putera Raja Bunian datang untuk mengambil Dayang dan akhirnya Dayang pun berkahwin dengan Putera Raja Bunian. Menurut Fakhriati (2015) dalam manuskrip *Jati Diri Wanita Aceh*, ketabahan seorang wanita adalah daripada bentuk perjuangan dan kekuatan. Ketabahan adalah sebuah sifat kecekalan dalam diri seseorang apabila ditimpa sesuatu masalah. Dayang tidak menggugurkan kandungannya malahan memilih untuk hidup bersama Putera Raja Bunian untuk membesarkan anaknya dan terus beramal di tasik.

**Jadual 9:** Perwatakan wanita yang tabah

Babak	Watak	Perwatakan wanita yang tabah
-------	-------	------------------------------

10	Datuk Kumajaya	Apa? Sungguh hairan bagaimana ini boleh terjadi. Biliknya dikawal dengan rapi malam-malam begini pun Dayang boleh menghilangkan diri
----	----------------	--

Berikut merupakan babak di mana Rahman B mencitrakan watak Dayang sebagai seorang yang tabah dan redha dengan apa yang telah terjadi. Seseengah wanita yang tidak tabah dan cekal, pasti tidak mampu untuk mengatasi masalah tersebut. Berbeza dengan Dayang di mana dia memilih berkahwin dengan Putera Raja Bunian dan membesarkan kandungannya. Rahman B juga telah memperlihatkan sisi keibuan dalam diri Dayang. Ketabahan Dayang terserlah dengan ujian yang dihadapinya dan hal tersebut tidak membuatkan Dayang mengeluh malahan, Dayang tetap terus beramal di Tasik tersebut. Putera Raja Bunian juga membenarkan ibu bapanya bertemu dengan Dayang namun dengan syarat harus membawakan nasi kunyit dan juga kemenyan. Seterusnya, pengarang juga meletakkan nilai penyayang dalam watak Cik Mahura. Menurut Kamus Dewan bahasa dan pustaka (2007) penyayang didefinisikan sebagai sifat yang menyayangi seseorang sama ada dari segi hubungan persahabatan, percintaan dan juga keluarga. Penyayang adalah sifat atau karakteristik yang menunjukkan kasih sayang atau kepedulian kita terhadap orang lain. Cik Mahura sangat menyayangi Dayang dan merupakan seorang isteri yang baik dan penyayang. Berikut adalah dialog yang menunjukkan sifat penyayang dalam diri Cik Mahura.

**Jadual 10:** Perwatakan wanita yang penyayang

Babak	Watak	Perwatakan wanita yang penyayang
4	Cik Mahura	Baguslah Dayang. Pergilah belajar di kala siang dan lebihkan mengaji di rumah saja di kala malam
8	Cik Mahura	Sudahlah kanda, sebusuk-busuk daging dikencah boleh dimakan juga

Cik Mahura membenarkan Dayang untuk belajar agama dan sangat menjaga keselamatan anaknya semasa Dayang menuntut ilmu. Sifat penyayang dalam diri Cik Mahura semakin terserlah apabila Cik Mahura meminta Datuk Kumajaya untuk tidak memarahi Dayang selepas mengetahui bahawa Dayang telah mengandung. Sukar untuk pengarang lelaki memperlihatkan watak penyayang dalam diri watak wanita semasa menghasilkan karya, berbeza dengan Rahman B di mana beliau berjaya menjadikan sifat itu sesuai untuk dibawa oleh Cik Mahura. Selain itu, terdapat juga keburukan watak wanita yang didapati dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting*. Iaitu watak yang dibawa oleh Cik Mahura. Watak wanita yang digambarkan dalam skrip ini menjadikan wanita sebagai suatu subjektif. Pengarang Bijak dalam menggunakan kuasa wanita untuk menjadi penggerak dalam cerita. Cik Mahura adalah seorang ibu kepada Dayang. Cik Mahura dicitrakan sebagai seorang yang ibu yang ingin anaknya mempelajari ilmu agama. Pengarang telah memperlihatkan sisi baik Cik Mahura. Cik Mahura seorang yang setia disisi suaminya dan sentiasa menemani suaminya kemana sahaja. Menurut Musthapar et.al (2020) sebagai seorang isteri, setia dan berpegang teguh pada agama adalah suatu bentuk perjuangan bersama suami.

Cik Mahura merupakan seorang yang sangat setia. Apa sahaja dikatakan oleh suaminya akan dia turuti. Cik Mahura juga sentiasa mengikuti suaminya kemana sahaja dan sentiasa di sisi suaminya ketika bekerja. Selain itu, sedar dengan ketidak arifan dalam agama, Cik Mahura menyokong tindakan Dayang untuk belajar agama dan membenarkan Dayang untuk bersendirian di Tasik. Pengarang memperlihatkan sisi baik Cik Mahura. Namun, terdapat sisi buruk yang didapati dalam watak Cik Mahura.

**Jadual 11:** Perwatakan wanita yang mudah percaya

Babak	Watak	Perwatakan wanita yang mudah percaya
10	Cik Mahura	Kanda, dinda percaya mesti ada muslihat. Nakhoda Malim sudah pun mati terbunuh tetapi Dayang ke mana pula pergi

Berikut merupakan dialog di mana Cik Mahura menyokong tindakan suaminya yang menuduh Nakhoda Nalim. Sebagai seorang isteri, seharusnya kita menegur perbuatan suami yang salah dan menegahnyanya dalam membuat keputusan secara meluluh. Namun, Cik Mahura mengikuti apa saja yang dikatakan oleh suaminya. Malahan menyokong tindakan suaminya yang telah membunuh Nakhoda Malim. Watak Cik Mahura yang setia juga menjurus kepada sifat mudah percaya sehingga menyokong tindakan suaminya yang tidak betul. Di samping itu, terdapat juga beberapa analisis tentang latar masyarakat yang diperlihatkan oleh Rahman B. Berikut merupakan analisis tentang latar masyarakat yang didapati dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting*.

#### 4. KESIMPULAN

Secara rumusannya, keseluruhan penulisan hasil analisis ini mendapati banyak pencitraan watak wanita yang didapati daripada pengarang lelaki iaitu Rahman B. Daripada segi watak dan perwatakan dapat dilihat pengarang cuba untuk mengangkat watak wanita dengan menjadikannya subjek yang menggerakkan cerita dan watak-watak lain. Analisis juga mendapati terdapat kaedah teksdealisme yang diaplikasikan dalam skrip drama *Bangsawan Tasik Dayang Bunting* dalam menjadikan karyanya sebagai sebuah karya yang sempurna. Antara kaedah teksdealisme yang digunakan ialah prinsip pelanggaran di mana pengarang telah menginovasikan kisah legenda *Tasik Dayang Bunting* kepada skrip drama *Bangsawan*. Pengarang memasukkan banyak unsur-unsur pelanggaran dengan meletakkan nilai-nilai positif dalam watak wanita sekaligus menjadikan wanita sebagai subjek utama dalam cerita. Hasil analisis ini mengharapkan agar pembaca dapat melihat bagaimana pengarang lelaki mencitrakan watak wanita sebagai subjek utama dalam karya. Hasil analisis ini telah memperlihatkan kemampuan pengarang lelaki yang jarang dalam menjadikan watak wanita sebagai 'hero'. Esei ilmiah ini juga berharap agar akan banyak lagi pengarang-pengarang lelaki yang mengangkat watak wanita dalam karya mereka.

## REFERENCES

- Ab. Rahman, N. (2006). Pemerksaan wanita dalam novel-novel Malaysia dan Indonesia: Pertembungan antara tradisi dan modeniti. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 21(1), 196–211.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25672>
- Ab. Rahman, N. (2020). Imej wanita korporat dalam teks kesusasteraan Melayu moden Malaysia: Daripada lensa pengarang wanita.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25672>
- Abdul Kadir, A. (2010). *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori Ulu Al-Amr* [Master's thesis, Universiti Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/5307/>
- Afriadi, D. (2019). Teater Bangsawan muda, formula pertunjukkan drama Melayu Bangsawan masa kini. *Jurnal Ilmu Budaya*, 15(2), 69–139.  
<https://journal.unilak.ac.id/index.php/jib/article/view/2329>
- Amat, A. (2018). *Menyingkap gejolak rasa dan citra Azmah Nordin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.  
[https://www.researchgate.net/publication/345494511\\_Menyingkap\\_Gejolak\\_Rasa\\_dan\\_Citra\\_Azmah\\_Nordin](https://www.researchgate.net/publication/345494511_Menyingkap_Gejolak_Rasa_dan_Citra_Azmah_Nordin)
- Amina Noor. (1999). *Andalah wanita syurga*. Darul Nu'man.
- Annamalai, M. D. M. A. R., & Murugusu, L. (2022). Kepengarangan Mu. Anbuchelvan dari perspektif teori Tekdealisme. *Journal of Education and Social Sciences*, 22(1), 56–66. [https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2023/01/JESOC22.ISU-1\\_213.pdf](https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2023/01/JESOC22.ISU-1_213.pdf)
- Beden, S. (2020). Potret kepimpinan wanita dalam wajah seorang wanita dari perspektif Pendekatan Pengurusan. *Malay Literature*, 33(2), 265–294.
- Che Man, S. H. (1999). *Feminisme dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis kaedah bacaan Showalter* [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia]. <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/497393>
- Che Yaacob, M. F., & Mohmad Hanafiah, N. A. (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu penelitian Takmilah: Human value in folktales: An observation on Takmilah. *PENDETA*, 12(1), 11–25.  
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.2.2021>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan: Edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Echols, J. M., & Shadily, H. (1987). *Kamus inggeris-indonesia*. PT Gramedia.
- Fakhriati, F. (2015). Jatidiri Wanita Aceh dalam Manuskrip. *Jumantara: Jurnal Manuskrip Nusantara*, 6(1), 129-148.
- Harris, K. M. A., & Muhtar, A. (2019). Konsep kesetaraan gender menurut perspektif Islam dan Barat. *Afkar*, 2(21), 33–74.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/download/21508/10986/46251>
- Husain, S. (1991). *Drama-drama Shaharom Hussain*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keryman313. (2011). *Teater Bangsawan* [PowerPoint slides]. Slideshare.  
<https://www.slideshare.net/keryman313/teater-bangsawan>
- Lulu Mubarakah. (2021). Wanita dalam Islam. *Journal of Islamic Studies and Humanities*, 6(1), 23–31. <https://doi.org/10.21580/jish.v6i1.7378>
- Mad Azeri, N. A., & Hamisan Khair, N. S. (2021). Panduan bagi emansipasi wanita di tanah Melayu berdasarkan kitab jawi abad ke-20. *Jurnal Ulwan*,

2(6), 273–286.

<https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/13604/1/Panduan%20Bagi%20Emansipasi%20Wanita%20Di%20Tanah%20Melayu%20Berdasarkan%20Kitab%20Jawi%20Abad%20Ke-20.pdf>

Mana Sikana. (2005). Pengajaran dan pembinaan Bahasa dalam konteks Pendidikan drama. *Aktivis-Jurnal Akademik*, 116–130.

<https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/17739/1/AJA-5-116.pdf>

Mohammad Safuan Ismail. (2015). *Watak dan perwatakan utama dalam cerita jenaka Melayu* [Master's thesis, Universiti Putra Malaysia].

<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/83354/>

Mohd Azahar, N. A. A., & Abdul Rahman, N. F. (2022). Hak dan kedudukan wanita dalam Islam: Tumpuan pada konsep kesamarataan. *International Journal of Religion, Arts and Humanities*, 1, 141–153.

<https://www.ukm.my/ijrah/vol-1-december-2022/>

Mohd Helmi Yusoh, Aziz, J., & Ahmad, A. L. (2018). Pendefinisian filem berunsurkan Islam dan pemerksaan watak wanita dalam filem 'Perempuan Berkalung Sorban'. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 1–18. <http://journalarticle.ukm.my/13142/>

Mohd Nor, M. R. (2011). Salah faham tentang kedudukan wanita muslim: Wanita Islam: Isu-isu dan pemerksaan hak. Persatuan Ulama Malaysia.

<https://eprints.um.edu.my/5738/>

Musthapar, N. F., Azahari, R., & Ahmad, B. (2020). Sakīnah, mawaddah dan rahmah dalam perhubungan suami isteri: Analisis literatur: Sakīnah, mawaddah and rahmah in husband-wife relationship: A literature review. *Jurnal Syariah*, 28(1), 81–104. <https://doi.org/10.22452/js.vol28no1.4>

Nastalia, F. A. (2007). *Ketabahan Hati pada pekerja remaja perantau*.

<https://media.neliti.com/media/publications/100198-ID-ketabahan-hati-pada-pekerja-remaja-peran.pdf>

Nor, N. A. V. A. (2017). Sorotan literatur Bangsawan di Malaysia 1960–2017.

*Jurnal Melayu*, 16(2), 179–190. <http://journalarticle.ukm.my/11428/>

Omar, R. (2017). Teater Bangsawan Dewa Kencana memartabatkan seni silat dan wanita. *This is Reef*. <https://www.thisisreef.com/2017/09/teater-bangsawan-dewakencana.html>

Raj, S. V., & Annamalai, M. D. M. A. R. (2019). Kedudukan watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen 'Ammavuku' menerusi kajian Subaltern [The position of female characters in the 'Ammavuku' short story group through Subaltern studies]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 147–154. <https://doi.org/10.33306/mjssh/104>

Roslan, N. S., & Md Radzi, S. B. (2017). "Wanita tiga serangkai" dalam syair Sultan Abdul Muluk melalui kritik feminis Showalter. *Jurnal Melayu*, 16(2), 191–216. <http://journalarticle.ukm.my/11429/>

Said, A. S. (1985). *Daerah Zeni*. Helmy Samad Publications.

Shaik Ismail, S. F., Halim, R., & Omar, A. (2020). Citra daya tarikan fizikal dalam novel 'Teen-Lit'. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 2(1), 45-56. [https://jcsi.unimap.edu.my/images/articles/JCSI%20JUNE%202020/Vol\\_2\\_o\\_1\\_2020\\_6\\_45-56.pdf](https://jcsi.unimap.edu.my/images/articles/JCSI%20JUNE%202020/Vol_2_o_1_2020_6_45-56.pdf)

Zulkarnain, S. I., & Fitriani, N. (2018). Perbedaan gaya bahasa laki-laki dan perempuan pada penutur Bahasa Indonesia dan Aceh. *International Journal*

*of Child and Gender Studies*, 4(1), 159-172. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/equality/article/view/4486/2948>